

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN : BERTULIS**
- DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**
- SOALAN : Tuan Shamsul Iskandar Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah-langkah yang telah dirangka untuk membantu 239 nelayan yang terkesan secara langsung akibat dari aktiviti tambakan laut di sepanjang pantai Kelebang hingga ke Banda Hilir di Melaka.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memaklumkan bahawa nelayan dan pelanggai ( pencari udang geragau) di sepanjang pantai Kelebang dan Banda Hilir di Melaka yang terkesan dengan aktiviti tambakan laut telah diberi bayaran suguhati oleh Kerajaan Negeri Melaka.

Jumlah keseluruhan bayaran suguhati melibatkan Peruntukan Kerajaan Negeri adalah berjumlah **RM1,113,600.00** iaitu melibatkan 2 kali bayaran (RM443,200.00 + RM670,400.00).

Bayaran pertama telah dibuat pada 21 Oktober 2012 di Medan Kg Portugis, Banda Hilir, Melaka yang melibatkan 171 nelayan yang terdiri daripada 106 orang nelayan dan pelanggai sepenuh masa serta 65 orang nelayan dan pelanggai separuh masa berjumlah RM443,200.00.

Bayaran kedua pula diserahkan pada 28 Februari 2013 di Dewan Seri Bendahara, Melaka melibatkan 239 nelayan iaitu 109 orang nelayan dan pelanggan sepenuh masa dan 130 orang nelayan dan pelanggan separuh masa termasuk 68 orang nelayan tertinggal berjumlah RM670,400.00. Bagi pelanggan, pengesahan dibuat oleh JKKK manakala bagi nelayan berlesen dan awak-awak berdaftar disahkan oleh Pejabat Perikanan Negeri Melaka dan LKIM.

Setiap nelayan dari Kg. Portugis dan Parit Cina yang berdaftar juga telah mendapat bayaran elaun sara hidup bulanan sebanyak RM300.00 sebulan selain subsidi penggunaan minyak diesel dan petrol yang dibayar melalui LKIM.

Antara langkah-langkah yang telah dirangka untuk membantu 239 orang nelayan yang terkesan secara tidak langsung akibat dari aktiviti tambakan laut di sepanjang pantai Kelebang hingga ke Banda Hilir Melaka adalah seperti berikut.

- 1) Bagi memudahkan pendaratan ikan nelayan, nelayan telah dipindahkan pangkalan ke Pangkalan Baru di Kampung Sungai Duyong dan Sungai Lereh, Melaka.
- 2) Melalui Kerajaan Negeri Melaka, pampasan atas saguhati dari RM3000 ke RM8000 juga telah pun diberi kepada nelayan terlibat.
- 3) Bagi menaiktaraf kemudahan di Pangkalan-Pangkalan nelayan, pihak kerajaan akan meneliti keperluan yang diperlukan dan sentiasa memberikan perhatian berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan oleh nelayan tempatan antaranya menyediakan tempat atau ruang menjual ikan segar.

LKIM juga telah diberi tanggungjawab memulakan operasi Hub Perikanan Duyong yang bernilai RM40 juta bermula November 2014. Ini akan menyediakan pusat pendaratan ikan yang lebih selesa kepada para nelayan. Selain itu, ianya juga akan dijadikan sebagai sebuah pusat pelbagai aktiviti perikanan.